



جَبَاتَانِ مُفْتَى نِكَرِي قَبْرَاكُ دَارِ الرِّضْوَانِ

JABATAN MUFTI NEGERI,  
PERAK DARUL RIDZUAN,  
TINGKAT 5, KOMPLEKS ISLAM,  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Mufti : 05-2424120  
Pej. Am : 05-2545332  
Faks : 05-2419694  
Laman Web : <http://mufti.perak.gov.my>

KENYATAAN RASMI  
BIL.4/2018

**UNIFIED EXAMINATION CERTIFICATE (UEC) MEROSAKKAN DASAR PENDIDIKAN  
KEBANGSAAN SEDIA ADA**

1. Mutakhir ini bidang pendidikan yang diharmonikan dengan perpaduan kaum **sedang dirosakkan oleh desakan pihak-pihak tertentu** yang semakin berani menggugat Dasar Pendidikan Kebangsaan sedia ada.
2. **Bahasa Melayu telah diiktiraf secara jelas sebagai bahasa kebangsaan** sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan. Tambahan pula, Dasar Pendidikan Kebangsaan mengangkat Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar.
3. Dasar Pendidikan sedia ada telah terbukti mampu memacu pembangunan negara ke arah yang lebih baik.
4. Sistem pendidikan negara dibentuk **berasaskan perpaduan kaum dan pembinaan negara bangsa**.
5. Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 **adalah antara dasar terbaik yang telah digubal dengan mengambilkira semangat perpaduan kaum** bagi memastikan system pendidikan negara mampu memelihara perpaduan nasional. Maka kita sekarang adalah antara beberapa komponen manusia yang telah menikmati manfaat dasar-dasar tersebut.
6. Pengorbanan negarawan seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Tan Chen Lock, Tun Tan Chiew Sin dari MCA yang menghalang pelaksanaan UEC pada zaman mereka adalah **semangat perpaduan kaum yang sangat tinggi yang ditunjukkan oleh mereka**.
7. **Kerajaan perlu mengambilkira masalah umum**, silibus, dasar, polisi dan akta-akta sedia ada serta pandangan pakar dan tokoh negarawan yang berkaitan dalam setiap perancangan dasar baharu kerajaan, bukannya sekadar menerima cadangan dan terus melaksanakannya tanpa melihat kepada kesan dan akibat dasar tersebut.
8. Pengiktirafan UEC akan merungkai asas perpaduan kaum yang berpaksikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan.
9. **Adalah amat mendukacitakan sama sekali sekiranya UEC diiktiraf**. Ini kerana ia membuka ruang yang cukup besar kepada kaum-kaum lain dengan menimbulkan semangat perkauman yang boleh merosakkan suasana harmoni yang telah sekian lama wujud di negara ini.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI (DR.) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA**  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.

12 Zulkaedah1439H  
25 Julai 2018/Rabu